



## 100<sup>4</sup> PENCEGAHAN PERCERAIAN MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Wan Muhamad Asyraf Bin Wan Shukri<sup>1</sup>

Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1</sup>

Sharifah Hana Binti Abdul Rahman<sup>2</sup>

*farhahzaidar@kuis.edu.my*

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam

<sup>2</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Abstrak

*Perceraian merupakan suatu keputusan yang dibenci oleh Allah SWT. Perceraian adalah pertikaian yang dicetuskan oleh suatu permasalahan yang natijahnya membawa kepada saling menyakiti di antara suami dengan isteri. Perceraian juga meninggalkan dampak negatif terhadap anak-anak. Masa depan anak-anak mangsa perceraian lebih mudah terancam. Maksud perceraian dalam Islam adalah memutuskan tali perkawinan di antara isteri dengan suami iaitu tiada lagi tanggung jawab suami terhadap isteri. Begitu juga sebaliknya, isteri tidak lagi memiliki hak terhadap suami. Justeru itu, mencari jalan pencegahan perceraian mengikut cara yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah adalah penting. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pencegahan perceraian yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah. Data-data kajian dikumpul secara metode analisis dokumen dan dapatan kajian dihuraikan secara metode deskriptif. Dapatan keseluruhan menunjukkan terdapat beberapa cara berdasarkan Sunnah Rasulullah SAW dalam melayani isteri serta jika berlaku perselisihan, terdapat ayat al-Quran yang mana Allah SWT mengariskan langkah demi langkah untuk memperbaiki hubungan suami isteri demi mencegah daripada terjadi sesuatu perceraian.*

**Kata kunci:** Kaedah, pencegahan, perceraian, al-Quran, al-Sunnah.

### 1.0 PENGENALAN

Perkahwinan merupakan suatu ikatan yang dijalankan di antara pasangan suami dan isteri menerusi suatu akad. Perkahwinan merupakan lambang kehormatan dan kemuliaan bagi pasangan suami dan isteri kerana ikatan perkahwinan memberi perlindungan seumpama pakaian yang menutupi aurat manusia. Firman Allah SWT dalam surah Al-Rum, ayat 21 menjelaskan berkaitan hikmah perkahwinan iaitu:



وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْتَكُمْ مَوَدَّةً  
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَاءَيْتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

(al-Rum: 21)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan pasangan bagi manusia iaitu suami atau isteri yang disempurnakan melalui ikatan perkahwinan agar manusia beroleh ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Pasangan harus berusaha menunaikan peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri selaras dengan panduan syariat agar matlamat perkahwinan seperti yang dijelaskan menerusi ayat tersebut di atas dapat dicapai.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Istilah nikah berasal dari perkataan Arab iaitu (النكاح). Perkahwinan menurut istilah fiqah adalah terdiri daripada perkataan nikah dan perkataan *zawaj*. Ulama' fiqah pengikut mazhab yang empat iaitu Syafi'i, Hanafi, Maliki, dan Hambali pada umumnya mendefinisikan perkahwinan pada akad yang membawa kebolehan (bagi seorang lelaki untuk berhubungan dengan seorang perempuan) dengan (dimulakan dengan akad) lafadz nikah atau kahwin atau makna yang sama dengan kedua-duanya tersebut.

Kebahagiaan perkahwinan yang dinikmati dapat bertukar menjadi duka dan kesedihan apabila hilangnya sifat saling sayang menyayangi, timbang rasa tanggungjawab yang akhirnya membawa kepada konflik, perbalahan, perselisihan faham yang boleh mencetuskan bibit-bibit keretakan dalam hubungan suami dan isteri. Sekiranya masalah ini tidak dapat ditangani dengan baik dan matang, dibimbangi berlakunya perceraian ekoran masalah rumah tangga yang dihadapi (Abe Sophian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar, 2014).

Hidup berpasangan adalah fitrah manusia dan ini jelas disebutkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan jadikanNya diantara kamu (suami-isteri) perasaan kasih saying dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”. (ar-Rum: 21)

Al-Quran menegaskan bahawa perhubungan diantara lelaki dan perempuan adalah atas kehidupan, kekeluargaan dan masyarakat manusia sejagat. Bagi mengatur hubungan ini supaya



ia berlaku dengan sebaik-baiknya, al-Quran menetapkan sistem kekeluargaan yang berasaskan perkahwinan. Dengan itu, segala hubungan dalam bentuk lain diharamkan.

### **3.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kes perceraian dalam masyarakat didapati terus meningkat dari tahun ke tahun. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, berkata mengikut rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, sebanyak 59,712 kes perceraian dicatatkan pada 2014; 63,463 kes (2015) dan 48,077 kes sehingga 10 Julai 2016. Sebanyak 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi iaitu Selangor mencatat kes paling tinggi sepanjang tempoh itu iaitu sebanyak 30,901; Sabah (22,331 kes) dan Johor sebanyak 16,718 kes dari 2014 hingga 10 Julai 2016.

Perceraian sering berlaku apabila masalah yang dihadapi oleh sesebuah perkahwinan menemui jalan buntu dan tidak mendapat sebarang penyelesaian atau kedua-dua pihak gagal memperbaiki ikatan perkahwinan mereka (Siti Zalikhah Md. Noor, 2005). Satu kajian berkaitan faktor perceraian yang dilakukan di Sabah mendapati bahawa pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor utama berlakunya perceraian (Sabariah Binti Baharum, 1989 :8). Mahkamah Syariah Perlis merekodkan bahawa punca utama berlakunya perceraian adalah tiada persefahaman di antara pasangan. Bagaimanapun alasan yang diberikan ini tidak jelas kerana pasangan sebenarnya mempunyai alasan dan faktor lain yang menyumbang kepada keputusan menyebabkan mereka perlu bercerai (Raihanah Abdullah, 2001).

Sehubungan dengan itu, pencegahan perceraian ini dilihat menjadi satu kepentingan bagi masyarakat dan kajian ini menghuraikan berkenaan kaedah pencegahan menurut al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama untuk suami isteri ketika berlaku perselisihan di antara satu sama lain.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kualitatif bermaksud penelitian yang menekankan kepada analisis sesuatu yang bukan berbentuk nombor dan analisis interpretatif terhadap fenomena social (Intan Silviana Mustikawati, 2013). Reka bentuk ini dapat menghuraikan dengan lebih lanjut subjek kajian iaitu kaedah pencegahan perceraian menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis dokumen. Manakala penganalisaan data dilakukan secara deskriptif.

### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif. Ianya dihuraikan menurut perbincangan berikut.

#### **5.1 PENGERTIAN PENCEGAHAN**

Membahas mengenai pencegahan bermaksud mencegah sesuatu yang belum terjadi. Pencegahan atau proses, cara atau tindakan atau tindakan menahan agar sesuatu tidak terjadi. Dengan demikian, pencegahan merupakan tindakan. Pencegahan berkait dengan perilaku. Secara umum pencegahan adalah mengambil suatu tindakan yang diambil terlebih dahulu sebelum kejadian, dengan didasarkan pada sumber keterangan dari hasil analisis (Riskawati Yahya, 2016: 10).



## 5.2 KAEADAH MENCEGAH PENCERAIAN

Perkahwinan dalam Islam bukanlah untuk tujuan sementara tetapi adalah untuk hidup bersama buat selama-lamanya atas dasar keredhaan, kepercayaan dan persetujuan bersama. Pembubaran perkahwinan merupakan cara penyelesaian terakhir dalam menghadapi krisis rumah tangga bagi pasangan yang tidak dapat mewujudkan pergaulan secara makruf dan setelah melalui beberapa proses perdamaian (Roziah Binti Chek. 2010: 69). Dapatkan menunjukkan terdapat beberapa cara yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam melayani isteri yang mana dapat membantu dalam membina kebahagian rumah tangga dan mengelakkan perceraian. Namun jika berlaku pergaduhan dapatan juga mengenal pasti kaedah berasaskan al-Quran sebagai rujukan untuk mempertahankan kekuahan rumah tangga. Ianya terangkum dalam lapan kaedah berikut.

### 5.2.1 KOMUNIKASI

Membina komunikasi yang baik sesama suami isteri adalah dituntut di dalam Islam. Suami harus berlaku adil kepada isteri, dan isteri juga haruslah berlaku adil terhadap suami. Komunikasi yang baik terhadap isteri termasuk melayani dengan baik, lembah lembut, bertolak ansur sama ada dalam hubungan fizikal atau mental. Ini bersesuaian dengan sifat semula jadi wanita yang lembut dan mudah terguris hatinya (Robiatul Adawiyah Mohd. 2016: 7). Firman Allah dalam surah Nisa' ayat 19:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْلُّ لَكُمْ أَنْ تَرُثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْصُلُوهُنَّ لِتَذَهَّبُوا بِعَضٍ مَا  
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِنَّ بِفِحْشَةٍ مُّبِينَةٍ وَعَالِشُرُوْهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ  
تَكْرَهُوْا شَيْئًا وَبَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ حَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).

### 5.2.2 TANGGUNGJAWAB

Antara punca perceraian adalah kerana suami memikirkan kelaziman di dalam sesebuah keluarga adalah meletakkan tanggungjawab menguruskan hal rumah tangga dan tugasan di rumah kepada isteri. Kebanyakan suami merasakan kerja rumah adalah tugas isteri sepenuhnya, manakala tanggungjawab suami pula adalah mencari nafkah, menyediakan tempat tinggal dan menyara keluarga. Walaupun isteri itu juga turut bekerja, telah menjadi budaya terdapat segelintir suami yang tidak mahu membantu melakukan tugas yang sinonim bagi golongan wanita tersebut. Ia dikhuatir jatuh keegoan sebagai lelaki dan ini akan menjurus kepada pergaduhan antara suami



isteri. Mencegah pergaduhan dan perceraian yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW adalah dengan bertanggungjawab membantu isteri dan meringankan bebaninya (Mohd Shah Che Ahmad, 2015).

Rasulullah SAW adalah contoh ikutan untuk kehidupan manusia dari segenap aspek dan menunjukkan contoh tauladan yang baik melalui perhubungan dengan isteri. Sebagai suami, Rasulullah SAW begitu menghargai isteri dengan menunjukkan sifat mulia seperti kasih sayang, bertimbang rasa, hormat serta sabar tanpa pernah sekalipun mengasari mereka bahkan menghadapi kerena isteri dengan penuh pengertian dan kemaafan. Rasulullah SAW juga tidak keberatan membantu melakukan kerja rumah. Ibnu Hajar pernah berkata bahawa Aisyah (r.a) meriwayatkan katanya (<http://jakimsabah.islam.gov.my>):

*“Baginda (nabi) yang menjahit kainnya, menjahit sepatunya, dan mengerjakan apa yang biasa dikerjakan lelaki di rumah mereka.”* (Hadis riwayat Ahmad Ibnu Hibban).

### 5.2.3 MERAIKAN PENDAPAT

Cara Rasulullah SAW melayani isteri dan mencegah daripada perceraian adalah dengan selalu berbincang untuk mencari solusi dan meraikan pandangan isteri. Contohnya ketika perjanjian Hudaibiah, terdapat orang Islam yang menganggap perjanjian tersebut adalah berat sebelah kerana ianya menguntungkan orang kafir. Rasulullah SAW berjumpa Ummu Salamah RA untuk meminta pandangan beliau. Oleh yang demikian, perbincangan merupakan salah satu cara yang amat penting bagi suami dan isteri bagi membuat sesuatu keputusan yang melibatkan keluarga dan rumah tangga (Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid. 2015:99).

Jika suami tidak menyenangi salah satu sifat isteri, hal tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk berlaku kasar kepada isteri. Bahkan suami disarankan berpandangan adil dengan melihat sifat-sifat isteri yang disenangi sehingga dapat mendorong dirinya untuk tidak berlaku kasar dalam menghadapi perangai isteri ((Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid. 2015:99). Sifat Rasulullah SAW yang berbuat baik kepada isteri terdapat dalam hadis:

Dari Ibnu Abbas r.a: Nabi saw bersabda, “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik kepada isterinya, dan aku (Nabi saw) adalah orang yang paling baik di antara kalian kepada isteri ku.” (Hadis Riwayat: Ibnu Majah)

Dari Abu Hurairah r.a: Rasulullah saw bersabda, “Seorang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik budi pekertinya, dan sebaik-baik kalian adalah yang paling baik pada isterinya.” (Hadis Riwayat: al-Tirmidhi)

Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan. Oleh kerana Allah SWT telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan. Al-Imam Ibnu Kathir dalam tafsirnya, “Lelaki adalah pemimpin kepada kaum wanita bermaksud; menyeluruh dalam erti kata sebagai pemimpin, ketua negara, hakim, pendidik atau pembimbing kepada wanita.” Memimpin isteri bermaksud menjaganya dengan mengajar ciri-ciri wanita Islam, akhlak, ibadah serta tanggungjawab-tanggungjawab sebagai seorang isteri dan Islam tanpa melupakan tanggungjawab diri sendiri (suami). Maksudnya suami perlulah mempunyai ilmu-ilmu agama yang benar untuk mengajar isterinya. Dengan mempelajari ilmu agama, ia akan menjadikan seseorang itu lebih



faham agama sebagai mana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (<https://amenudden.wordpress.com>).

#### 5.2.4 MEMBERI NAFKAH ZAHIR DAN BATIN

Dari segi aspek kewangan, sudah menjadi ketetapan agama bahawa suami wajib memberikan belanja untuk makan, minum, pakaian dan tempat tinggal isteri sesuai dengan kemampuannya. Firman Allah SWT dalam surah at-Talaq ayat 7:

لِيُنْفِقْ دُونَ سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلِيُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا  
إِلَّا مَا مَأْتَهَا سَيَحْجَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Bermaksud: *Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*

(at-Talaq: 7)

وَعَلَى الْوَالِدِينَ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: *Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.*

(al-Baqarah: 233)

أَسْكُنُوهُنَّ مِّنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِّنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَئِكَ  
حَمَلِ فَانْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَقَّ يَضَعَنَ حَمْلَهُنَّ

Bermaksud: *Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu) dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.*



(al-Talaq:6)

Kewajiban suami memberi nafkah kepada isteri wajib bila bermulanya akad sah pernikahan antara suami dan isteri. Kewajiban memberi nafkah tetap wajib walaupun isteri adalah seorang perempuan kaya atau punya penghasilan sendiri (Jumni Nelli, 2017: 34). Ini kerana kebanyakan perceraian berlaku adalah kerana pengabaian seorang suami dalam memberi nafkah kepada isteri dan mula timbul pergaduhan walaupun perkara yang remeh-temeh.

Terdapat hadis berkenaan memberi nafkah ertiinya: dari Muawiyah al-Qusyairi, berkata: “*saya datang kepada Rasulullah SAW lalu saya bertanya, bagaimana pandanganmu Ya Rasulullah tentang isteri-isteri kami? Sabdanya: “berilah mereka makan dari makanan yang kamu makan, berilah mereka pakaian dari pakaian yang kamu pakai, janganlah kamu pukul mereka dan jangan pula kamu buruk-burukkan mereka* (H.R Abu Dawud).

Ayat-ayat dan hadis di atas menjelaskan bahawa setiap suami bertanggungjawab memberi makanan, pakaian kepada isterinya sesuai dengan kemampuannya. Suami tidak boleh memberi makanan dan pakaian kepada isterinya lebih buruk daripada apa yang dimakan dan dipakai suaminya. Begitu juga kadar makan dan pakai yang menjadi hak isteri diberikan mengikut kadar yang mampu diberikan oleh suaminya (Robiatul Adawiyah Mohd. 2016: 5). Di dalam hal ini isteri tidak boleh meminta sesuatu yang di luar kemampuan suaminya.

Dari segi nafkah batin dalam Islam, isteri boleh menolak hajat atau keinginan suaminya untuk bersetubuh dengan syarat ia mestilah dalam keadaan darurat atau keuzuran seperti semasa haid, nifas, sedang dalam ihram dan sebagainya. Bagaimanapun pengertian mengenai darurat dan keuzuran bukan setakat itu, banyak lagi perkara lain yang perlu difahami setiap suami. Misalnya jika isteri mengalami masalah kesihatan yang menyebabkan isteri tidak berupaya melayan kehendak seks suami, ia juga ditakrifkan sebagai darurat. Begitu juga jika isteri berada dalam keletihan yang amat sangat, penolakan berkenaan dirujuk kepada isteri yang dalam tertekan, runsing, mengantuk yang teramat sangat dan keletihan yang amat sangat sehingga menyebabkan isteri berkenaan tidak berkeupayaan melayani kehendak seks suaminya dengan baik, ia juga dibolehkan. Lebih-lebih lagi bagi isteri yang bekerja, tujuannya untuk membantu suaminya sendiri dalam soal kewangan. Akan tetapi isteri perlu faham, jika mereka menolak hajat suaminya, ia mestilah ditolak dengan cara yang baik dan mestilah dijelaskan dengan sejelas dan sebaiknya sebab-sebab itu kepada suaminya, sehingga suaminya boleh memahami dan bertolak ansur dengannya. Terdapat juga sesetengah suami yang sanggup menggunakan kekerasan atau paksaan ke atas isterinya untuk melakukan hubungan jenis demi memuaskan nafsunya sendiri dengan menafikan terus hak isteri, walaupun isteri berada dalam keadaan tidak bersedia dan sudah pun menolak hajatnya dengan baik. Dalam keadaan seperti ini, jika suami tidak memahaminya, isteri boleh membawanya ke mahkamah dan mahkamah pasti akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Namun begitu pangertian nafkah batin bukan berkisar perlakuan seksual semata mata. Seks hanya salah satu cabang bagi maksud nafkah batin, selain seks berkongsi masalah, mendengar luahan isteri, berbual dan bermesra serta mendidik ajaran agama terhadap isteri juga termasuk dalam definisi nafkah batin (Robiatul Adawiyah Mohd. 2016: 5).



Berdasarkan dari faktor penceraian iaitu kegagalan suami memberi nafkah adalah salah satu punca mulanya titik percaduhan. Tanggungjawab suami untuk memberi nafkah zahir dan batin kepada isteri adalah wajib kerana isteri berhak mendapatkan kebahagian melalui harta dan kemesraan dalam rumah tangga. Memberi nafkah suami kepada isteri merupakan kewajiban yang jelas berdasarkan al-Quran, sunnah dan ijma'.

### 5.2.5 MEMBERI NASIHAT

Perselisihan dan pertikaian dalam rumah tangga tidak ditolak oleh Islam. Malah didalam keluarga Rasulullah SAW sendiri pernah terjadi. Aisyah RA meriwayatkan Rasulullah SAW menyifatkan sikap tidak senang beliau kepada baginda yang bermaksud (Paizah Ismail, 2003:115):

*“Saya sebenarnya tahu sama ada kamu suka atau marah kepada saya, bila kamu suka kepada saya kamu katakan: Ya Allah, Demi Tuhan Muhammad. Tetapi bila kamu tidak suka kamu akan berkata: Tidak, demi Tuhan Ibrahim, Maka jawab Aisyah: Ya, saya tidak memulaukan kecuali nama kamu.”* (Riwayat al-Bukhari)

Oleh sebab itu Islam memperingatkan kalau terjadi hal-hal seperti itu dari pihak perempuan, maka pihak lelaki perlulah pertama sekali menasihati isterinya itu. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَالَّتِي تَحَافُونَ نُشُزْهُرَّ فَعِظُوهُرَّ

Bermaksud: *dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka.* (Surah Al-Nisaa':34)

Adalah menjadi tanggungjawab suami untuk memimpin isteri ke jalan yang direhdai Allah SWT. Suami mempunyai kuasa mendidik isteri melalui nasihat dan pengajaran yang baik. Suami hendaklah menegur kesilapan dan memperbetulkan kesalahan isteri dengan kasih sayang dan belas kasihan. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: *“Berilah pengajaran yang baik kepada kaum wanita, kerana kaum wanita dijadikan daripada tulang rusuk. Adapun tulang rusuk yang paling bengkok ialah tulang rusuk yang paling atas, yang apabila engkau luruskan ia akan patah dan apabila engkau biarkan ia tetap bengkok. Oleh itu berilah pengajaran kepada kaum wanita dengan cara yang baik.”* [Riwayat Bukhari & Muslim].

### 5.2.6 PISAH RANJANG

Jika sudah menasihatinya tidak lagi berfaedah Allah SWT menasihatikan para suami memisahkan diri daripada isteri mereka di tempat tidur. Firmah Allah SWT di penghujung ayat diatas:

وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

Bermaksud: *Dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur.*

(al-Nisaa': 34)



Berdasarkan pengertian di atas dapat disimpulkan bahwa *hijr* dapat berbentuk ucapan atau perbuatan. *Hijr* dengan ucapan artinya suami tidak memperhatikan atau memperdulikan perkataan isterinya serta tidak mengajaknya berbicara. Sedangkan *hijr* dengan perbuatan adalah bahwa suami berpisah tempat tidurnya dari isterinya atau sekedar tidak mengaulinya, atau memisahkan diri dari kamarnya. Ulama mazhab sepakat membolehkan *hijr* dengan ucapan selama tidak melebihi dari tiga hari. Mereka mendasarkan pendapatnya pada hadis Abu Ayyub al Ansariy, bahwa Rasulullah SAW bersabda: *Tidak halal bagi seorang muslim mendiamkan saudaranya di atas tiga hari.*

Adapun batas waktu *hijr* dengan perbuatan yang berupa sikap menjauhi dan tidak melakukan hubungan intim dapat dilakukan suami tanpa batas, selama yang diinginkannya, selagi hal itu dipandang dapat menyadarkan isteri, asal tidak lebih dari empat bulan berturut-turut, karena jangka waktu empat bulan adalah batasan maksimal yang tidak boleh dilampaui, sesuai pendapat yang terkuat dari pendapat ahli hukum.

### 5.2.7 MEMUKUL

Hanya jika langkah kedua tadi tidak memberi faedah maka suami dibenarkan memukul isteri mereka itu. Firman Allah SWT di hujung ayat di atas:

وَأَصْرِبُوهُنَّ

Bermaksud: *Dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya).*

(al-Nisa':34)

Walau bagaimanapun kebenaran memukul dalam ayat berkenaan telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW sebagai terikat dengan syarat tidak menyakitkan sangat. Sebaliknya jika pihak suami pula yang bersikap tidak wajar dalam rumah tangga, maka Islam menasihatkan para isteri berusaha dan mengambil inisiatif memperbaiki keadaan yang mempunyai sebab tertentu seperti *nusyuz*. *Nusyuz* merupakan istilah yang terdapat dalam al-Qur'an dan hukum (fiqah) Islam yang berkaitan dengan pola hubungan antara suami dan isteri dalam kehidupan rumah tangga (Sri Wihidayati,2017: 178). Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ  
فَالصَّلِحَاتُ قَنِيتُ حَفِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزُهُنَّ  
فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَصْرِبُوهُنَّ إِنَّ أَطْعَنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَ سَبِيلًا  
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا كَبِيرًا



Bermaksud: *Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa juar yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.*

(al-Nisa': 34)

Sementara itu, terdapat hadis yang turut menegaskan perkara mengenai *nusyuz* dan kaedah penyelesaiannya, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan Ibn Majah, Rasulullah SAW bersabda:

Maksud: *Daripada 'Amru bin Al-Ahwas Al-Jusyami r.a mendengar Rasulullah SAW bersabda pada Haji Wida', selepas memuji dan bertakbir, mengingatkan dan menasihatkan. Kemudian Rasulullah SAW berkata: Berpesan-pesanlah kamu dengan kebaikan tentang perempuan (para isteri). Sesungguhnya mereka itu adalah khas untuk kamu (para suami). Kamu tidak mempunyai milik sesuatu pun ke atas diri mereka itu selain daripada yang demikia, kecuali apabila mereka itu melakukan kekejadian yang nyata. Jika mereka lakukan maka pulaukanlah mereka di tempat tidur dan pukul mereka itu dengan pukulan yang tidak melukakan. Dan jika mereka patuh dan taat, maka kamu tiada hak membuat tindakan ke atas diri mereka itu. Sesungguhnya kamu mempunyai hak ke atas isteri-isterimu; dan isteri-isterimu mempunyai hak ke atas dirimu.*

Berdasarkan ayat al Quran dan hadis di atas dapat dikenal pasti bahawa *nusyuz* yang dimaksud oleh al-Quran adalah sikap pembangkangan dan ketidak patuhan salah satu pasangan terhadap apa yang seharusnya dipatuhi dan/atau rasa benci terhadap pasangannya. *Nusyuz* juga dapat terjadi pada isteri terhadap suaminya, dan pada suami terhadap isterinya. Tidak patuh dan membangkang lazimnya terjadi kerana ada persoalan atau perubahan sikap antara suami dan isteri seperti perubahan daripada sikap kasih sayang, ramah, lembut, atau bermuka manis, berubah menjadi benci, kasar atau bersikap acuh di antara mereka (Sri Wihidayati,2017: 178). Firman Allah SWT dalam surah

al-Nisa' ayat 35:

وَإِنْ خَفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنَهُمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَحًا بُوقْقِ

اللهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا



Bermaksud: *Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya.*

### 5.2.8 MELANTIK ORANG TENGAH

Kemudian melantik orang tengah sebagai cara seterusnya bagi mengelak daripada perceraian. Penyelesaian krisis rumah tangga menggunakan bantuan orang tengah biasanya melibatkan krisis yang telah berlanjutan dan telah sampai ke tahap di mana suami dan isteri tidak dapat mengawal perasaan masing-masing. Sekiranya krisis sudah sampai ke tahap ini, maka aduan boleh dibuat ke mahkamah dan rnahkamah akan melantik wakil untuk berbincang tentang cara terbaik bagi menyelesaikan krisis rumah tangga (Haliza A. Shukor et.al, 2012: 79).

Namun orang tengah perlu dipilih daripada mereka yang boleh dipercayai. Orang tengah biasanya dilantik di kalangan saudara mara terdekat di sebelah pihak suami dan juga pihak isteri. Walau bagaimanapun, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya saudara mara yang dilantik itu merupakan saudara mara yang berjauhan asalkan mereka berniat mendamaikan keadaan dan menyelamatkan rumah tangga daripada perpisahan (Haliza A. Shukor et.al, 2012: 79).

Elemen orang tengah ini diperlakukan di setiap negeri dalam Malaysia iaitu dengan mewujudkan unit khidmat nasihat yang terlatih. Unit ini diwujudkan bagi membantu pasangan yang bermasalah dalam rumah tangga dengan memberi khidmat kaunseling. Terdapat beberapa buah negeri yang membuat tiga seksyen dalam Unit Khidmat Nasihat ini iaitu seksyen runding cara keluarga, seksyen kedua iaitu seksyen pengurusan nikah sindiket luar negara demi mencegah perceraian (Mariam, 2017: 301).

## 6.0 KESIMPULAN

Kebanyakan perceraian yang berlaku di kalangan masyarakat muslim adalah berpunca daripada pelbagai faktor. Berdasarkan faktor yang paling utama dan terkini adalah berpunca daripada perkara yang remeh temeh. Namun sebenarnya dendam yang tidak diluahkan sama ada suami mahu pun isteri menjadikan perkara remeh temeh sebagai punca untuk memulakan pergaduhan. Juga faktor pengabaian tanggungjawab sebagai suami ataupun isteri kemudian menjurus kepada perceraian.

Fenomena dalam masyarakat sejak dulu sering memperlihatkan sikap yang lebih memihak kepada kaum lelaki dalam perhubungan suami isteri. Pandangan sedemikian rupa haruslah dikikis dalam diri setiap individu khususnya pihak suami. Dengan adanya ketentuan syariat yang mengiktiraf dan membela hak-hak isteri seperti yang dibahaskan, jelaslah menunjukkan bahawa Islam mengangkat martabat isteri sebagai manusia yang dihormati yang sama nilainya dengan suami. Menegakkan hak-hak isteri bukan bererti melawan suami, bahkan memperbaiki kesalahan suami agar kembali pada jalan yang benar.

Setiap suami dan isteri mempunyai peranan dan hak masing-masing yang harus dihormati antara satu sama lain. Konsep ini jika benar-benar dijalankan akan menjamin ketenangan dan kebahagiaan dalam keluarga. Jika suami dan isteri konsisten dengan kewajiban dan hak-hak mereka, hal itu akan dapat mempereratkan lagi cinta dan kasih antara mereka. Selain itu, hal ini



dapat menjauhkan segala kemungkinan timbulnya perselisihan dan pertengkaran yang mengancam keutuhan rumah tangga yang dengan sendirinya membawa kesan negatif pada jiwa anak-anak.

## 7.0 RUJUKAN

- Abe Sophian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar. (2014). “Faktor Perceraian Di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010, Jurnal Islamiyyat. 36 (1) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haliza A. Shukor et.al, 2012, Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wllayah Pe Rseku'tuan) 1984. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Intan Silviana Mustikawati. 2013. *Metodologi Penelitian Pertemuan: Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif*, Universiti Islam Indonesia.
- Jumni Nelli, 2017, *Analisis Tentang Kewajiban Nafkah Keluarga Dalam Pemberlakuan Harta Bersama*, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Mariam AbdulMajid. (2017). *Perceraian rumah tangga di negeri Selangor*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid. 2015. *Analisis Sirah Rasulullah SAW bersama isterinya*, Pustaka Salam.
- Mohd Shah Che Ahmad. 2015. Romantik cara Rasulullah SAW, Utusan Malaysia. Ogos.
- Raihanah Abdullah. 2001. *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah Dalam Wanita dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publiser.
- Riskawati Yahya. 2016. *Pencegahan Kasus Perceraian Di Kecamatan Galesong Utara Kabupaten Takalar*. Fakultas Syariah Dan Hukum UIN.
- Roziah Binti Chek. 2010. *Konsep perkahwinan dalam agama islam*. Universiti Malaya.
- Robiatul Adawiyah Mohd. 2016. *Hak-Hak Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Al Quran Dan Al-Sunnah*. KUIM.
- Sabariah Binti Baharum. 1989. *Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau*. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Sri Wihidayati. 2017. *Kebolehan Suami Memukul Istri Yang Nusyûz Dalam Al-Qur'an*, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Curup.
- Siti Zalikhah Md. Noor. 2005. *Jika Sudah Habis Jodoh*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paizah Ismail, 2003, *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*, Universiti Malaya.

## INTERNET

- [http://jakimsabah.islam.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=66:rasulullah-ikon-unggul-kehidupan-berkeluarga&catid=32&Itemid=180&lang=ms](http://jakimsabah.islam.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=66:rasulullah-ikon-unggul-kehidupan-berkeluarga&catid=32&Itemid=180&lang=ms)
- <https://amenudden.wordpress.com/2015/03/09/bab-berbuat-baik-pada-isteri-perintah-allah-dan-sunnah-rasulullah-saw/>
- <http://cintasakinahjaipk.perak.my/artikel/HAK%20SUAMI%20KE%20ATAS%20ISTERI.pdf>
- <https://bengkulu.kemenag.go.id/file/file/Dokumen/dskn1361383804.pdf>